

DRIMINATE SUPPOSITORY

Dimenhydrinate (50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DRIMINATE SUPPOSITORY
2. Bagaimana DRIMINATE SUPPOSITORY berfungsi
3. Sebelum menggunakan DRIMINATE SUPPOSITORY
4. Cara menggunakan DRIMINATE SUPPOSITORY
5. Semasa menggunakan DRIMINATE SUPPOSITORY
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DRIMINATE SUPPOSITORY
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan DRIMINATE SUPPOSITORY

DRIMINATE SUPPOSITORY digunakan untuk pencegahan dan melegakan mabuk perjalanan dan loya, muntah-muntah dan gayat.

Bagaimana DRIMINATE SUPPOSITORY berfungsi

DRIMINATE SUPPOSITORY berfungsi untuk melegakan atau mencegah muntah dengan mempengaruhi pusat di dalam otak. Ia melegakan gayat dengan mempengaruhi otak dan telinga dalaman.

Sebelum menggunakan DRIMINATE SUPPOSITORY

-Bila tidak boleh menggunakan

DRIMINATE SUPPOSITORY tidak harus diambil jika anda mempunyai alahan terhadap produk ini atau mempunyai hipersensitiviti terhadap mana-mana komponen produk ini.

-Sebelum menggunakan DRIMINATE SUPPOSITORY

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

Mengandung dan menyusukan anak

Sila rujuk pada doktor anda sebelum menggunakan DRIMINATE SUPPOSITORY jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung, atau mungkin mengandung.

Jangan ambil DRIMINATE SUPPOSITORY jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan DRIMINATE SUPPOSITORY bersama dengan ubat yang lain. DRIMINATE SUPPOSITORY mungkin menyebabkan kesan yang tidak diingini jika digunakan bersama-sama dengan ubat-ubatan lain, seperti barbiturat, alkohol, *tricyclic antidepressant*, *monoamine oxidase inhibitor* (MAOIs), antibiotik aminoglycoside dan ubat yang menyebabkan kerosakan pada pendengaran dan masalah keseimbangan yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan DRIMINATE SUPPOSITORY

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1-2 suppositori setiap 6 hingga 8 jam
Kanak-kanak: 8-12 tahun. 1 suppositori setiap 8 hingga 12 jam.

-Bila perlu digunakan

DRIMINATE SUPPOSITORY perlu diambil untuk mengelakkan mabuk perjalanan, oleh itu harus dimasukkan ke dalam dubur 30 minit (sebaik-baiknya 1 hingga 2 jam) sebelum memulakan perjalanan.

-Berapa lama perlu digunakan

DRIMINATE SUPPOSITORY harus diambil sebagaimana doktor anda menasihatkan anda untuk berbuat demikian

-Jika terlupa menggunakan

Ubat ini biasanya diambil apabila diperlukan sahaja. Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan berlebihan boleh menyebabkan pergerakan badan yang tidak terkawal, teruja, menggigil, halusinasi dan sawan pada bayi dan kanak-kanak. Untuk orang dewasa, ia boleh menyebabkan mengantuk, koma dan sawan yang membawa kepada kegagalan pernafasan dan masalah kardiovaskular. Dapatkan perhatian perubatan dengan segera jika pengambilan berlebihan berlaku.

Semasa menggunakan DRIMINATE SUPPOSITORY

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

DRIMINATE SUPPOSITORY perlu diambil dengan berhati-hati pada orang yang mempunyai leher pundi kencing tersumbat, pembesaran prostatik, pengekalan air kencing, glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata) dan epilepsi. Ia tidak digalakkan untuk digunakan pada bayi yang baru lahir atau belum matang. Selain itu, individu harus diberi amaran untuk tidak memanda atau mengendalikan jentera semasa pengambilan DRIMINATE SUPPOSITORY.

Perhatian diperlukan apabila dimenhydrinate digunakan kerana tindak balas *antiemetic* (tindak balas menghalang loya atau muntah) yang mungkin menghalang diagnosis untuk mengesan keadaan seperti keradangan apendiks atau tanda-tanda keracunan akibat daripada dos berlebihan ubat-ubat lain.

Kesan-kesan sampingan

DRIMINATE SUPPOSITORY boleh menyebabkan mengantuk terutamanya kanak-kanak dan kadang-kadang di kalangan orang dewasa. Kesan-kesan sampingan yang lain termasuk sakit kepala, penglihatan kabur, kekeringan mulut dan saluran pernafasan, ketakselarasan, degupan jantung yang mencepat atau tidak teratur, pening dan tekanan darah rendah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers*→ *Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan
DRIMINATE SUPPOSITORY**

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

DRIMINATE SUPPOSITORY perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Supositori berwarna putih hingga putih kekuningan.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Dimenhydrinate
- Bahan tidak aktif
Witepsol

-Nombor MAL

MAL05051076A

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

04/02/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)030216/00025